Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 11, e001941
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1941

Sifat dan Tingkah Laku Politik Pengundi Undi-18 di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Pulau Pinang

(Undi-18 Voters' Characteristics and Political Behaviour in the Private Higher Learning Institutes)

Mohd Zamirul Bin Mohd Dzaki[1*]

[1]UOW Malaysia KDU Penang University College, Georgetown Campus: 32, Jalan Anson 10400 Penang, Malaysia.
Email: mohd.zamirul@uow.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Zamirul Bin Mohd Dzaki (mohd.zamirul@uow.edu.my)

KATA KUNCI:
Undi-18
Politik
Tingkah laku
Negara

KEYWORDS:
Undi-18
Politic
Behaviour
Country

CITATION:
Mohd Zamirul Mohd Dzaki. (2022). Sifat dan Tingkah Laku Politik Pengundi Undi-18 di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(11), e001941. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1941

ABSTRAK

Pindaan umur mengundi dalam kalangan pengundi di Malaysia dari 21 ke 18 tahun pasti akan memberi kesan kepada corak pengundian di Malaysia khususnya pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15. Kesedaran politik dalam kalangan pengundi muda khususnya Undi-18 dilihat agak tinggi. Kesediaan mereka untuk keluar mengundi memperlihatkan yang mereka seakan tidak sabar untuk sama terlibat dalam membuat keputusan bagi masa depan negara. Kepekaan ahli dan pemimpin politik perlu sentiasa ada terhadap golongan Undi-18 ini bagi memastikan sesebuah parti politik itu untuk terus kekal relevan. Parti-parti politik perlu memikirkan dan mencari jalan bagi meremajakan parti mereka agar dapat memikat hati golongan Undi-18 ini. Kajian ini telah berjaya mengumpul data bagi memperlihatkan sifat dan tingkah laku politik pengundi Undi-18 di institusi pengajian tinggi swasta.

ABSTRACT

The amendment of polling age among the voters in Malaysia from 21 to 18 years old will definitely impact the voting pattern in Malaysia, particularly on the 15th General Election (GE15). Political awareness among the young voters especially Undi-18 is high. Their preparedness to go voting is seen as their eagerness to involve in making the decision for the country's future. The political members and leaders should be alert on Undi-18 group to ensure the political party continues to be relevant. The political parties should think and find ways to rejuvenate their parties so they can attract Undi-18 voters. This study succeeds in collecting data to present the characteristics and political behaviour of Undi-18 voters in the private higher learning institute.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini adalah mendapati bahawa golongan muda khususnya pengundi yang berumur 18 tahun dan mereka yang bakal menjadi pengundi pertama mempunyai tahap kesedaran politik yang tinggi khususnya

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dalam pilihan raya dan kepimpinan politik. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, pemimpin-pemimpin dan parti-parti politik boleh mempersiapkan strategi politik mereka bagi berhadapan dengan golongan pengundi muda dalam arena politik Malaysia.

1. Pengenalan

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 yang akan berlangsung pada 19 November 2022 ini menyaksikan buat kali pertamanya golongan pengundi muda yang berumur 18 tahun dan ke atas akan layak untuk mengundi. Ini berikutan pindaan Perlembagaan Persekutuan terhadap Perkara 47 dan 119 yang telah dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan di parlimen pada 16 Julai 2019. Pindaan ini telah mendapat sokongan sebulat suara oleh semua ahli parlimen pada waktu itu yang bakal menyaksikan umur minimum mengundi yang sebelum ini adalah 21 tahun telah dikurangkan kepada 18 tahun. Bukan itu sahaja mereka yang telah mencapai umur 18 tahun sebelum pewartaan senarai pengundi akan didaftar secara automatik sebagai pengundi. Ini bermaksud golongan pengundi muda atau sering dipanggil Undi-18 ini tidak perlu lagi membawa kad pengenalan mereka ke mana-mana pejabat pos atau wakil Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mendaftar sebagai pengundi. Mengikut data SPR dengan pelaksanaan Undi-18 ini ianya bakal menyaksikan seramai lebih sejuta pemilih berusia 18 hingga 20 tahun di seluruh negara yang akan mengundi kali pertama dalam PRU ke-15 (Tuan Buqhairah, 2022) Pertambahan jumlah undi ini pasti akan memberi impak kepada parti-parti politik yang bertanding dalam PRU ke-15. Golongan Undi-18 ini adalah golongan yang kali pertama akan membuang undi, sudah tentu perkara yang mempengaruhi tingkah laku politik mereka berbeza dengan golongan yang telah beberapa kali mengundi.

2. Kaedah kajian

Dalam melihat tingkah laku politik golongan Undi-18 ini, satu kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif secara dalam talian melalui *google form* telah diadakan selama 8 hari bermula pada 25 Oktober 2022 hingga 3 November 2022. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan kumpulan pelajar di IPTS tersebut dan bekas pelajar yang baru menamatkan pengajian yang mana mereka ini masih termasuk dalam kategori Undi-18. Dalam kajian soal selidik yang dijalankan penyelidik ingin melihat kepada dua perkara utama iaitu adakah mereka ini akan pergi untuk mengundi dalam PRU-15? dan siapakah pemimpin politik pilihan mereka yang dianggap layak menjadi Perdana Menteri Malaysia?

Bagi persoalan kajian yang pertama iaitu tentang, adakah golongan Undi-18 ini akan keluar mengundi ataupun tidak pada PRU ke-15, dapatan kajian tersebut dapat menilai tentang tahap kesedaran politik golongan Undi-18 ini. Ini kerana sebelum ini golongan yang berumur sekitar 18 tahun ke atas yang rata-ratanya masih di peringkat pengajian jarang dedahkan dengan politik. Jika dahulunya terdapat undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang melarang penglibatan golongan pelajar kolej dan universiti terlibat dalam apa jua bentuk aktiviti politik. Namun hari ini AUKU telah dipinda dengan membenarkan pelajar untuk terlibat dengan politik di luar dan dalam kampus. Jadi persoalan kajian ini cuba untuk melihat tentang adakah golongan muda ini akan menggunakan ruang yang diberikan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bagi persoalan kajian kedua iaitu tentang pemimpin politik mana yang menjadi pilihan golongan Undi-18 ini untuk diangkat menjadi pemimpin, yang mana hasil kutipan data dapat memperlihatkan adakah pemimpin-pemimpin utama politik di Malaysia popular dalam kalangan Undi-18 ini. Umum mengetahui golongan Undi-18 ini adalah golongan yang terdedah dengan maklumat-maklumat secara terus tanpa tapisan dari media sosial yang pelbagai (Nursyahida et al., 2021). Golongan ini bukan membesar pada era Reformasi 1998 dan hampir semua mereka masih di bangku sekolah rendah dan sebahagiannya di sekolah menengah sewaktu era Gabungan Pilihan raya Bersih dan Adil (BERSIH) mengadakan perhimpunan yang saban tahun di Kuala Lumpur pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Golongan ini tak merasa bahang politik jalanan ini seperti mana golongan yang berusia 30-an dan 40-an hari ini. Jadi sudah tentu perkara yang menjadi penilaian mereka terhadap kepimpinan pemimpin-pemimpin politik juga berlainan dengan golongan yang lebih tua dari mereka. Golongan ini sudah tidak memiliki bebas sejarah dan pergelutan politik lama yang tidak berkesudahan (Sheikh Umar, 2021).

Seramai 179 responden telah mengambil bahagian dalam menjawab soal selidik ini. Bagi mengelakkan kajian ini hanya tertumpu pada satu peringkat umur, soal selidik ini telah dipecahkan kepada tiga kumpulan peringkat umur iaitu 18 – 25 tahun, 26 – 30 tahun dan 31 tahun ke atas. Ini kerana terdapat juga golongan pelajar di ketiga – tiga IPTS ini yang menyambung pelajaran di usia yang lewat.

3. Hasil Kajian

3.1. Kumpulan umur

Jadual 1 menunjukkan pecahan umur mengikut responden yang telah terlibat dalam menjawab soalan. Daripada jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 179 orang 85.5% (153) adalah mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun yang telah menjawab soalan kajian ini, kumpulan 26 hingga 30 tahun 5 % (9) dan kumpulan 31 tahun ke atas 9.5% (17). Jumlah yang besar dalam kategori 18 hingga 25 tahun akan menjadi fokus utama kajian. Ini kerana golongan terdiri daripada golongan Undi-18 dan golongan mereka yang kali pertama akan mengundi dalam pilihan raya.

Jadual 1: Kumpulan Umur

18 – 25 tahun	26 – 30 tahun	31 tahun ke atas
85.5% (153)	5.% (9)	9.5% (17)

3.2. Kumpulan kaum

Jadual 2 menunjukkan jumlah responden berdasarkan pecahan kaum. Kaum Melayu mewakili 30.2% (54) dari keseluruhan responden, Cina 47.5% (85), India 12.8% (23), Bumiputera Sabah dan Sarawak 6.1% (11) dan lain-lain sebanyak 3.4% (6). Oleh kerana soal selidik ini dijalankan di IPTS jumlah kaum Cina dilihat lebih ramai kerana pelajar-pelajar yang menuntut di IPTS kebanyakannya terdiri dari kaum Cina berbanding kaum-kaum lain. Polarisasi kaum agak penting dalam membaca perjalanan politik Malaysia, ini kerana di Malaysia kita tidak boleh menafikan pengaruh kaum dalam sesuatu keputusan politik. Haspaizi (2022), dalam laporan MalaysiaKini melaporkan Dr Mahathir Mohamad berkata, negara ini tidak mampu membentuk kerajaan yang kuat kerana politiknya masih lagi berlegar di sekitar perkauman.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 2: Kumpulan kaum

Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah/Sarawak	Lain - lain
30.2% (54)	47.5% (85)	12.8% (23)	6.1% (11)	3.4% (6)

3.3. Kawasan mengundi

Jadual 3 menunjukkan pecahan responden berdasarkan kawasan mengundi. Kawasan – kawasan ini dipecahkan mengikut negeri yang terletak di kawasan Utara Semenanjung, Pantai Barat Semenanjung, Selatan Semenanjung, Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia Timur. Daripada keseluruhan responden Perlis, Kedah, Pulau Pinang atau Perak yang mewakili kawasan Utara Semenanjung seramai 52% (93) responden, Kuala Lumpur, Selangor atau Negeri Sembilan yang mewakili Pantai Barat Semenanjung seramai 25.1% (45) responden, Johor atau Melaka yang mewakili Selatan Semenanjung seramai 6.7% (12) responden, Pahang, Kelantan atau Terengganu yang mewakili Pantai Timur Semenanjung seramai 6.1% (11) responden dan Sabah atau Sarawak yang mewakili Malaysia Timur seramai 10.1 (18) responden.

Jadual 3: Kawasan Mengundi

(Perlis, Kedah, Pulau Pinang atau Perak)	(Kuala Lumpur, Selangor atau Negeri Sembilan)	(Johor atau Melaka)	(Pahang, Kelantan atau Terengganu)	(Sabah atau Sarawak)
52% (93)	25.1% (45)	6.7% (12)	6.1% (11)	10.1 (18)

3.4. Pengalaman pilihan raya

Jadual 4 adalah pecahan responden berdasarkan kumpulan yang pernah mengundi dan yang tidak pernah mengundi tetapi sudah mencapai umur layak untuk mengundi. Daripada keseluruhan 179 responden, 81% (145) menyatakan yang mereka tidak pernah mengundi dan PRU-15 adalah pilihan raya yang pertama untuk mereka mengundi. Kumpulan ini akan menjadi fokus utama kajian kerana keputusan mereka dalam pengundian pasti akan memberi impak kepada parti-parti politik yang bertanding. Selebihnya 19% (34) responden menyatakan yang mereka pernah mengundi.

Jadual 4: Pengalaman pilihan raya

Tidak pernah mengundi	Pernah mengundi
81% (145)	19% (34)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.5. Kesediaan pergi mengundi pada PRU ke-15

Jadual 5 merupakan soalan yang lebih terfokus bagi melihat kesedaran politik keseluruhan responden. Data kajian menunjukkan lebih daripada separuh responden yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini menyatakan yang mereka akan keluar mengundi pada PRU ke-15 iaitu sebanyak 62.6% (112), manakala hanya 10% (18) yang menyatakan tidak akan pergi mengundi dan 27.4% (49) masih belum membuat keputusan sama ada untuk pergi mengundi atau pun tidak.

Daripada angka yang diperoleh boleh dikatakan kesedaran politik dalam kalangan responden khususnya dalam kalangan pengundi Undi-18 untuk pergi mengundi sangat tinggi iaitu 62.6% (112) daripada jumlah 179 responden.

Jadual 5: Kesediaan Pergi Mengundi

Akan pergi mengundi	Tidak akan pergi mengundi	Tidak pasti akan pergi mengundi
62.6% (112)	10 % (18)	27.4% (49)

3.5.1. Akan pergi mengundi

Tiga tema utama telah ditemui berdasarkan ulasan responden yang memilih jawapan "akan pergi mengundi". Tiga tema tersebut ialah *"tanggungjawab", "mahu melakukan perubahan di Malaysia"* dan *"mahu mendapat pengalaman".* Rata – rata responden dalam kumpulan ini mengatakan yang mengundi adalah tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia. Ulasan kedua terbanyak adalah berkaitan perubahan yang mereka ingin lakukan melalui pilihan raya. Responden dari tema ini mengharapkan sesuatu yang lebih baik selepas pilihan raya berlaku dengan harapan adanya pemimpin dan kerajaan yang cekap dan bertanggungjawab. Selebihnya ulasan yang diberikan responden menunjukkan mereka agak teruja untuk pergi mengundi untuk pertama kalinya dalam pilihan raya. Ini lebih dilihat kepada keinginan mereka untuk merasai suasana dan pengalaman mengundi dalam pilihan raya.

3.5.2. Tidak akan pergi mengundi

Kumpulan yang membuat keputusan untuk tidak akan pergi mengundi hanya sekitar 10% (18) daripada jumlah 179 responden. Ini menunjukkan hanya sebilangan kecil sahaja pengundi khususnya kategori Undi-18 yang boleh dikatakan tidak berminat dengan politik pilihan raya. Satu tema yang ditemui berdasarkan ulasan dari kumpulan ini ialah *"tidak mempercayai parti politik"*. Sebab yang diberikan oleh kumpulan ini adalah mereka beranggapan semua parti politik di Malaysia mempunyai sifat yang tidak baik. Bagi mereka juga tidak ada yang layak untuk diangkat sebagai pemimpin yang baik di Malaysia. Kumpulan ini dilihat mempunyai pandangan yang negatif terhadap ahli politik di Malaysia. Tetapi apa yang boleh dirumuskan berdasarkan apa yang disuarakan oleh kumpulan ini adalah, walaupun mereka membuat keputusan untuk tidak mahu pergi mengundi, tetapi bukan bermaksud mereka tidak mengambil tahu tentang perkembangan politik di Malaysia. Ini berdasarkan respons bertulis yang diberi menunjukkan yang golongan ini aktif memerhatikan perkembangan politik serta sikap dan tingkah laku ahli-ahli politik. Atas pemerhatian mereka inilah yang menghasilkan pandangan mereka terhadap ahli dan parti politik di Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.5.3. Tidak pasti akan pergi mengundi

Baki 27.4% (49) lagi adalah golongan yang tidak pasti akan pergi mengundi atau pun tidak. Golongan ini mungkin akan berkurangan setelah kempen pilihan raya bermula. Ini kerana bahang kempen pilihan raya mungkin akan mengubah fikiran mereka untuk pergi mengundi. Berdasarkan ulasan yang diberikan, dua tema telah dikenal pasti terhadap keputusan mereka. Oleh itu kumpulan ini perlu diberi perhatian oleh parti-parti politik yang bertanding kerana peluang parti-parti politik untuk menambahkan sokongan daripada kumpulan ini masih terbuka luas.

Tema pertama *"tidak tahu untuk memilih parti yang mana"*. Responden dari kategori ini mungkin keliru dan masih belum jelas tentang siapa yang sepatutnya mereka undi. Ini mungkin disebabkan mereka kurang mendapat maklumat tentang politik atau mereka tidak mengambil tahu tentang politik. Tema kedua adalah *"Masalah logistik".* Banyak antara responden dalam kategori ini menyatakan yang mereka tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli tiket bas atau pesawat untuk mereka pulang ke kampung halaman untuk mengundi. Sekiranya masalah logistik seperti pengangkutan ini dapat diatasi sudah pasti ianya akan meningkatkan jumlah kumpulan yang akan keluar mengundi. Parti-parti politik dan pihak SPR sendiri perlu melihat dan cuba mengatasi masalah ini segara agar peratusan keluar mengundi pada PRU ke-15 dapat ditingkatkan.

4. Siapa yang layak untuk diangkat menjadi Perdana Menteri Malaysia selepas PRU ke-15

Kajian ini juga ingin melihat siapa ahli-ahli politik yang popular dalam kalangan pengundi muda untuk diangkat menjadi Perdana Menteri Malaysia. Beberapa nama pemimpin politik telah disenaraikan iaitu Dato Seri Ahmad Zahid Hamidi, Dato Seri Ismail Sabri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tun Dr Mahathir Mohamad, Dato Seri Anwar Ibrahim dan Dato Seri Abdul Hadi Awang. Dapatan kajian daripada 179 responden boleh dilihat pada Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Calon Perdana Menteri

Calon – calon Perdana Menteri	Popularity %
Dato Seri Ahmad Zahid Hamidi	2.2% (4)
Dato Seri Ismail Sabri	8.9% (16)
Tan Sri Muhyiddin Yassin	14% (25)
Tun Dr Mahathir Mohamad	11% (21)
Dato Seri Anwar Ibrahim	40.8% (73)
Dato Seri Abdul Hadi Awang	(3)
Tidak pasti	11.4% (37)

Daripada kesemua calon-calon yang disenaraikan sebagai pilihan responden, Dato Seri Anwar Ibrahim memiliki popularity yang tertinggi berbanding calon-calon lain iaitu 40.8% (73). Walaupun peratusan yang dimiliki oleh Dato Seri Anwar Ibrahim jauh lebih tinggi berbanding calon-calon lain, namun apa yang diperhatikan peratusan tersebut tidak mencapai separuh daripada keseluruhan peratusan. Boleh dikatakan Dato Seri Anwar Ibrahim lebih popular daripada pemimpin-pemimpin politik lain untuk diangkat menjadi perdana menteri tetapi popularity dalam kalangan pengundi khususnya Undi-18 tidaklah boleh dikatakan terlalu selesa. Kebanyakan responden menyatakan yang mereka ingin memberi peluang dan ingin melihat Dato Seri Anwar Ibrahim menjadi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Perdana Menteri Malaysia kerana beliau dilihat berkebolehan dan politik, ekonomi serta berpengalaman sebagai timbalan perdana menteri dan pernah menjadi menteri kewangan terbaik. Selain itu ramai juga responden menyatakan Dato Seri Anwar Ibrahim perlu diberi peluang menjadi perdana menteri kerana mereka mahu merasai dan melihat gaya kepimpinan Dato Seri Anwar sebagai Perdana Menteri Malaysia. Boleh dikatakan 40.8% daripada keseluruhan responden ini mengidamkan untuk melihat Dato Seri Anwar menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Pemimpin politik kedua popular ialah Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan jumlah popularity yang dimiliki adalah sebanyak 14% (25). Jumlah 14% yang dimiliki boleh dikatakan agak rendah jika dibandingkan dengan status beliau sebagai bekas Perdana Menteri Malaysia. Terdapat beberapa ulasan yang diberikan tentang mengapa mereka memilih Tan Sri Muhyiddin Yassin, antaranya responden mengatakan yang beliau telah memimpin Malaysia dengan baik sewaktu negara sedang dilanda Covid-19. Seterusnya pemimpin politik yang ketiga popular untuk diangkat menjadi Perdana Menteri Malaysia ialah Tun Dr Mahathir Mohamad dengan popularity yang dimiliki adalah sebanyak 11.7% (21). Jumlah ini juga boleh dikatakan agak rendah jika dibandingkan dengan status Tun Dr Mahathir Mohamad yang boleh dikatakan seorang negarawan. Antara beberapa ulasan menyatakan mereka memilih Tun Dr Mahathir Mohamad kerana beliau dilihat berpengalaman memimpin Malaysia. Tempat ketiga adalah Dato Seri Ismail Sabri 8.9% (16). Jumlah ini juga boleh dikatakan agak rendah dan sangat tidak selesa untuk Dato Seri Ismail Sabri yang merupakan perdana menteri terbaru Malaysia sebelum parlimen dibubarkan. Beberapa ulasan yang diberi tentang mengapa mereka memilih Dato Seri Ismail Sabri ialah kerana mereka tertarik dengan agenda Keluarga Malaysia yang cuba dibawa beliau. Antara ulasan lain ialah responden menyatakan yang mereka yakin Dato Seri Ismail Sabri mampu membawa Malaysia kearah yang lebih baik.

Dato Seri Abdul Hadi Awang dan Dato Seri Ahmad Zahid Hamidi memiliki peratusan popularity paling rendah iaitu 2.3% (4) untuk Dato Seri Ahmad Zahid Hamidi dan 1.7% (3) untuk Dato Seri Abdul Hadi Awang. Antara ulasan yang diberikan untuk Dato Seri Ahmad Zahid Hamidi ialah “rajin” dan ulasan yang diberikan untuk Dato Seri Abdul Hadi Awang ialah “menjalankan amanah dengan mengangkat Islam sebagai asas kepimpinan”. Namun berdasarkan peratusan yang diperolehi boleh dikatakan dua pemimpin ini amat tidak popular dalam kalangan pengundi muda khususnya Undi-18.

Selebihnya, 11.4% (37) responden memilih untuk menjawab tidak pasti dalam memilih calon Perdana Menteri Malaysia. Antara ulasan yang diberikan oleh responden tentang kenapa mereka memilih jawapan tidak pasti ialah “tidak ada keyakinan terhadap semua nama-nama yang disenaraikan”. Banyak juga responden yang memberi ulasan agar pemimpin yang lebih muda diberikan tempat untuk diangkat menjadi Perdana Menteri Malaysia. Diruang ulasan juga terdapat responden-responden yang menyatakan mereka lebih berminat dengan Khairy Jamaluddin untuk diangkat untuk perdana menteri. Bagi mereka calon perdana menteri yang lebih muda, akan lebih memahami kehendak dan kemahuan generasi muda. Jika kita perhatikan jumlah 11.4% ini adalah ketiga tertinggi daripada keseluruhan jumlah responden. Jumlah ini tidak boleh dipandang rendah oleh ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin politik Malaysia.

5. Kesimpulan

Apa yang boleh disimpulkan, pengaruh pengundi muda khususnya Undi-18 tidak boleh dipandang ringan oleh setiap parti politik. Generasi ini mempunyai cita rasa dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pandangan yang berbeza berbanding generasi yang berumur 30 dan 40an. Seperti yang dibincangkan pada peringkat awal tadi, generasi ini membesar dan melalui zaman remaja mereka bukan pada era reformasi 1998 atau era demonstrasi BERSIH. Elemen – elemen reformasi 1998 dan BERSIH tidak mempengaruhi tindakan politik mereka. Ditambah dengan era teknologi komunikasi dan media sosial yang berkembang luas ini, maklumat-maklumat yang mereka peroleh daripadanya banyak mempengaruhi tindakan dan keputusan politik mereka. Ahli politik perlu bergerak pantas seiring dengan kemajuan teknologi dan media sosial dalam mempengaruhi sokongan dan popularity. Gaya politik lama yang selalu menekankan isu kaum dan agama mungkin semakin kurang relevan terhadap golongan pengundi muda khususnya Undi-18 ini.

Ahli – ahli dan pemimpin-pemimpin parti politik perlu lebih kreatif dalam menjalankan aktiviti politik mereka. Mereka perlu mengenal pasti gaya dan cita rasa pengundi muda agar mereka boleh terus kekal relevan. Kempen – kempen seperti ceramah mega boleh dikatakan tidak lagi popular dalam kalangan pengundi muda khususnya Undi-18. Ini berbeza pada era lewat 90an dan awal 2000, aktiviti-aktiviti ceramah mega sememangnya mendapat tempat dalam kalangan rakyat dan penyokong. Bagi generasi baru ini, mereka lebih selesa untuk mendapatkan maklumat tersebut melalui media sosial yang boleh mereka akses di telefon bimbit atau komputer riba mereka.

Oleh itu, pembukaan keahlian parti dan memberi peluang kepada generasi muda ini menjawat jawatan penting dalam parti adalah penting sebagai usaha untuk meremajakan imej parti. Parti – parti politik yang terlalu didominasi oleh golongan tua mungkin akan mengurangkan minat golongan muda ini untuk menyertainya. Akhir sekali, adalah penting untuk semua parti-parti politik di Malaysia untuk berubah seiring dengan perubahan zaman dan cita rasa rakyat Malaysia untuk terus kekal relevan dalam persada politik Malaysia.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh UOW Malaysia KDU Penang University College. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Haspaizi Zain. (28 Julai 2022). Politik Malaysia gagal dipisahkan dari perkauman – Dr M. *MalaysiaKini*. Diakses pada 28 Oktober 2022. https://www.malaysiakini.com/news/629942.

Nursyahida Zulkifli, Siti Khadijah Omar, Nor Farizah Johari, Muhammad Syafiq Hassan & Mohamad Rahimi Mohamad Rosman (2021). Pengaruh Media Baru dan Penglibatan Politik Belia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies, 2*(2), 63-77.

Sheikh Umar Bagharib Ali. (24 September 2021). KOLUM | Mengapa Undi18 penting untuk dinamika politik?. *MalaysiaKini*. Diakses pada 28 Oktober 2022. https://www.malaysiakini.com/columns/592602.

Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan. (20 Oktober 2022). Lebih sejuta belia usia 18 hingga 20 tahun mengundi kali pertama. *Sinar Harian Online*. Diakses pada 28 Oktober 2022. https://www.sinarharian.com.my/article/226836/berita/nasional/lebih-sejuta-belia-usia-18-hingga-20-tahun-mengundi-kali-pertama.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).